

25 JUL 1996

Sanusi - Rumah

KEDAH TUBUH SYARIKAT BELI KUOTA RUMAH BUMIPUTERA

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Kerajaan Kedah akan menubuhkan sebuah syarikat bagi membeli rumah yang diperuntukkan kepada bumiputera tetapi tidak dapat dijual kepada golongan itu.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid hari ini berkata syarikat itu akan membeli rumah-rumah berkenaan dan kemudiannya mencari pembeli lain juga daripada kalangan bumiputera.

"Jika rumah-rumah ini masih juga tidak dapat dijual, maka ia akan dibuka kepada golongan bukan bumiputera," katanya kepada pemberita selepas perasmian Pameran Lapangan Terbang dan Teknologi Peralatan Penerbangan Antarabangsa (AIRPORTEX '96) oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di sini yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sanusi berkata penubuhan syarikat ini diluluskan pada mesyuarat Exco kerajaan negeri yang beliau pengerusikan di sini malam tadi.

Menurutnya syarikat itu ditubuhkan dengan matlamat untuk menghapuskan perasaan syak wasangka bumiputera terhadap pemaju yang didakwa tidak mematuhi syarat penjualan kuota rumah untuk bumiputera.

Katanya kerajaan menyedari banyak pemaju perumahan sukar untuk mendapat pembeli bumiputera terutama bagi rumah kos sederhana dan mahal.

Syarikat itu akan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Abdullah Hasnan Kamaruddin dan dianggotai oleh Anggota Dewan Undangan Negeri Kota Darul Aman Chong Itt Chew, ADUN Tikam Batu Tan Hong Eng, ADUN Lunas Joe Fernandez serta seorang lagi ADUN dari UMNO yang akan diumumkan kemudian dan pihak pemaju perumahan.

Beliau berkata Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah (PKNK) akan menjadi pemegang saham utama.

Sanusi berkata kerajaan juga akan menawarkan 20,000 hektar tanah kepada PKNK untuk dimajukan.

Sanusi berkata kerajaan negeri dijangka dapat memungut premium berjumlah RM1,000 juta.

"Terpulang kepada PKNK untuk bekerjasama dengan pihak swasta bagi memmbangunkan kawasan itu," katanya. -- BERNAMA

MZM ZI MAI